

Masyarakat kurang cakna pemindahan sel stem

BERTUA HARROR (2010/09/20/2019)

Lebih ramai digesa daftar jadi penderma, bantu pesakit kanser darah

Oleh Syalikhah Sazili
syalikhah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kesedaran masyarakat tempatan berhubung keperluan menderma sel stem masih kurang memuaskan, khususnya bagi membantu pesakit kanser leukemia dan limfoma.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata masyarakat tidak cakna mengenai isu ini, sedangkan ramai pesakit kanser memerlukan bantuan berkenaan.

Justeru itu, katanya kesedaran perlu ada dalam diri masyarakat untuk memahami proses dan kepentingannya.

“Jika dulu pesakit kanser terutama kanser darah sering dikaitkan dengan tiada peluang untuk sembuh, namun pelbagai perubatan terkini membolehkan sebilangan pesakit kanser berpotensi untuk sembuh menerusi rawatan pemindahan sel stem.

“Di negara ini, hanya terdapat beberapa hospital saja yang mampu menjalankan rawatan ini. Hos-



Dr Dzulkefly bersama penderma sel stem pada Sambutan 20 Tahun Perkhidmatan Pemindahan Sel Stem Darah di Hospital Ampang, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

pital Ampang adalah pusat yang terbesar pemindahan sel stem dan seluruh negara dijalankan di sini.

“Sehubungan itu, saya menyeru supaya lebih ramai yang akan tampil secara sukarela untuk mendaftar sebagai penderma sel stem,” katanya selepas merasmikan Sambutan 20 Tahun Perkhidmatan Pemindahan Sel Stem Darah di Hospital Ampang, semalam.

Turut hadir, Pengarah Hospital Ampang, Dr Ghazi Abd Manaf; Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan, Dr Noor Aziah Zainal Abidin dan Ke-

tua Perkhidmatan Hematologi Kebangsaan, Dr Jameela Sathar.

Ditanya berhubung peningkatan kes kesihatan yang berpunca daripada cuaca jerebu, Dr Dzulkefly berkata, ia meningkat namun kenyataan penuh hanya akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Sementara itu, sempena sambutan ‘World Marror Donor Day 2019’, Hospital Ampang menyambut kejayaannya menyediakan perkhidmatan pemindahan sel.

Lebih 2,000 kes pemindahan sel stem sudah berjaya dilaksanakan

dalam tempoh 20 tahun sejak ia ditubuhkan.

Mengulas lanjut, Dr Jameela berkata, dari sudut perkhidmatan pemindahan sel stem, negara berada pada tahap baik.

“Prosedur ini sememangnya rumit tetapi kita sudah mencapai tahap antarabangsa dengan membuat pemindahan sel stem 200 ke setahun.

“Pemindahan sel stem adalah harapan bagi pesakit kanser yang gagal menjalani kimoterapi. Dengan ubat baharu dan rawatan ini, lebih banyak nyawa dapat diselamatkan,” katanya.